



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.BK(S)173/18 Jld. 23(8)

13 Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

**PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN KONTRAK PEGAWAI
WARGANEGARA YANG DILANTIK SECARA *CONTRACT OF
SERVICE (COS)***

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/ Dato', Kerajaan telah bersetuju supaya tempoh perkhidmatan pegawai kontrak warganegara yang sedang berkhidmat dan akan tamat perkhidmatan kontraknya dilanjutkan **sehingga 31 Disember 2018** yang meliputi:

- (i) pegawai ***contract of service***; dan
- (ii) **pesara tentera** yang berpencen, yang dilantik secara kontrak ke dalam perkhidmatan awam selepas tamat tempoh perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Pelanjutan tempoh kontrak ini tertakluk kepada pegawai mencapai prestasi yang baik dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Keputusan pelanjutan tempoh perkhidmatan kontrak ini tidak melibatkan pegawai kontrak bukan warganegara dan pegawai kontrak dalam kalangan pesara (yang dilantik secara kontrak selepas persaraan wajib atau persaraan pilihan), melainkan perkhidmatan pegawai amat diperlukan dan mencapai prestasi yang ditetapkan.

4. Dari segi pelaksanaan prosedur pelanjutan tempoh perkhidmatan kontrak adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 atau peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRIZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k.:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan